

Pas tidak ikhlas mengenai bentuk negara Islam — PM

UM 27 JUL 2001
KULIM 26 Julai — Pas enggan menyatakan bentuk negara Islam yang diperjuangkan secara bertulis kerana parti itu sendiri tidak mempunyai keikhlasan dalam memperkatakan isu tersebut, kata Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Pas cuba memperdayakan rakyat di negara ini dalam isu itu apabila sering berdolak-dalik ketika berhadapan dengan orang Cina dan orang Melayu.

“Dengan orang Cina, dia kata, *it's very ok*. Dengan orang Melayu pula dia kata kita nak buat *very strict in some states*. Semua ini pasal tak betul dan tak ada keikhlasan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keengganan Pas untuk menyatakan bentuk negara Islam yang diperjuangkan oleh parti itu secara

bertulis sebagaimana yang diminta oleh UMNO.

Dr. Mahathir menegaskan, sekiranya Pas mendakwa pemerintahan UMNO bertentangan dengan Islam, parti yang mendakwa parti Islam itu perlu menyatakan bentuk atau konsep sebenar negara Islam yang diperjuangkan oleh mereka.

“Tetapi mereka enggan menyatakan pada kita. Macam mana kita hendak bersetuju atau membantah sesuatu yang kita

sendiri tidak tahu,” tegas beliau lagi.

Mengenai cadangan pertemuan antara kedua-dua parti itu bagi membincangkan soal perpaduan Melayu, Perdana Menteri berkata, Pas tidak berminat untuk bertemu dengan UMNO sebaliknya lebih berminat untuk berbincang dengan DAP.

“Mereka tak minat nak jumpa UMNO. Tetapi lebih minat berjumpa DAP,” kata beliau.